

DIDIN SARIPUDIN
FARIDAH KARIM

Program Resosialisasi Kanak-kanak Jalanan di Rumah Singgah: Satu Penilaian

ABSTRAK

Kertas kerja ini mengkaji mengenai usaha-usaha yang telah dilakukan dalam program resosialisasi kanak-kanak jalanan dan masalah-masalah apa yang dihadapi oleh pihak rumah singgah dalam menjalankan program resosialisasi. Untuk menjawab soalan di atas diadakan penyelidikan dengan kaedah kualitatif dengan menggunakan instrumen protokol temubual dan senerai semak pemerhatian. Populasi dan sampel kajian ini dipilih dari 20 rumah singgah di bandar Bandung, Jawa Barat, Indonesia. Kaedah persampelan yang digunakan ialah "purposive sampling", yakni dengan menentukan sampel sesuai dengan tujuan penyelidikan iaitu sampel temu bual pula $n = 3$ (pentadbir, tutor dan kanak-kanak jalanan) dipilih dari rumah singgah berlainan yang terdiri dari rumah singgah milik kerajaan dan NGO (Non Governmental Organization). Kajian ini mendapati bahawa program resosialisasi kanak-kanak jalanan di rumah singgah-rumah singgah di bandar Bandung masih terdapat beberapa kelemahan yang harus diatasi. Oleh itu, dalam usaha mencapai matlamat program resosialisasi kanak-kanak jalanan di rumah singgah, maka tindakan penambahbaikan secara bersepadu harus diambil oleh semua pihak yang terlibat.

Kata-kata kunci: kanak-kanak jalanan, program resosialisasi, rumah singgah, pelan penambahbaikan terhadap program.

PENGENALAN

Akibat kegawatan ekonomi yang melanda Indonesia pada awal tahun 1997, populasi kanak-kanak jalanan bertambah dengan pesat. Bilangan mereka meningkat saban tahun sehingga angka terakhir yang dicatatkan daripada bancian yang dijalankan ialah 150,000 orang kanak-kanak jalanan terdapat di semua bandar-bandar besar seluruh negara Republik Indonesia (*Suara Karya*, 2006). Di bandar metropolitan Bandung sendiri, terdapat kira-kira 4,626 orang kanak-kanak jalanan (Dinas Sosial Kota Bandung, 2006).

Didin Saripudin, M.Si. ialah Pensyarah Kanan pada Jabatan Pendidikan Sejarah FPIPS Universiti Pendidikan Indonesia (UPI) di Bandung dan tengah sambung pengajian Doktor Falsafah pada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); dan **Prof. Puan Seri Dr. Faridah Karim** ialah Pensyarah pada Fakulti Pendidikan UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. Alamat emel mereka adalah: saripudinupi@yahoo.com dan farida@pkriscc.ukm.my

Hasil tinjauan yang dilaksanakan oleh Depsos RI (Departemen Sosial Republik Indonesia) dan ADB (*Asian Development Bank*) tahun 1999 dapat dikenalpasti punca-punca dan penyebab wujudnya fenomena kanak jalanan ini seperti dalam jadual 1. Akibat desakan hidup dan tekanan kemiskinan, kebanyakan kanak-kanak telah memikul tanggungjawab bekerja dan mencari wang saku sendiri dalam usia yang mentah dan begitu muda dan seringkali dieksploitasi oleh golongan yang berkepentingan dengan kadar upah yang murah. Menurut E.A.S. Dewi (2004), wang yang diperolehi itu biasanya untuk keperluan sendiri atau meringankan beban hidup keluarga atau berkongsi dengan kawan-kawan.

Jadual 1
Punca dan Penyebab Fenomena Kanak Jalanan

Bil	Punca dan Penyebab	Peratus
1.	Membantu kerja kedua-dua ibu bapa	49.9
2.	Mendapatkan wang saku sekolah	14.8
3.	Tidak dapat meneruskan persekolahan	11.4
4.	Tersisih daripada keluarga	5.1
5.	Keciciran dan tiada tempat untuk bekerja	4.9
6.	Mencari pengalaman baru	2.6
7.	Inginkan kebebasan	2.6
8.	Alasan-alasan lain: Dipaksa keluarga Tertekan dengan sikap ibu bapa Mencari kawan-kawan	8.7

KANAK JALANAN: ANTARA TAKRIFAN DAN PENDEKATAN

Takrifan kanak jalanan, menurut UNICEF (*United Nations for International Children and Education Fund*) tahun 1997, adalah: *“Street child are those who have abandoned their home, schools and immediate communities before they are sixteen years of age have drifted into a nomadic street life”*. Manakala UNDP (*United Nations Development Programme*) dan Depsos RI (Departemen Sosial Republik Indonesia) tahun 1997, pula mengemukakan definisi sebagai kanak-kanak yang menghabiskan masanya mencari nafkah atau berkeliaran di jalanan atau tempat-tempat awam.

Di kawasan setingan dan kawasan perumahan kos rendah yang dihuni oleh golongan kurang berkemampuan, fenomena ini biasanya bercambah hingga membentuk budaya baru dalam masyarakat, ditambah dengan keadaan persekitaran tempat tinggal. Kumpulan rakan sebaya yang tidak bersekolah, tercicir dan tidak dipedulikan oleh ibu bapa biasanya akan mengisi masa mereka sesama sendiri ke kawasan tumpuan awam, seperti terminal bas, hentian rehat, pusat membeli belah, taman-taman awam, panggung wayang dan tapak pesta untuk melepak dan melakukan aktiviti bersama-sama (Horton & Hunt, 1984).

Menurut Didin Saripudin, kumpulan kanak-kanak ini biasanya terlibat dengan tingkah-laku menyimpang (*social deviation*) dan jenayah seperti menyeluk saku, bergaduh, seks rambang, seks sejenis, laku musnah, melanggar peraturan, membuat kebisingan dan pelbagai lagi kelakuan liar yang mengganggu ketenteraman awam dan melanggar batas kesopanan (Saripudin, 2005). Tindakan mereka dilakukan secara kolektif bersama-sama rakan yang sama senasib dan biasanya berasal daripada keluarga miskin (Ertanto, 2003).


Menurut T.L. Silva (1996) pula, yang disokong oleh UNDP dan Depsos RI (1997), bahawa kanak jalanan ini perlu dipulihkan dan diberikan penjagaan sempurna agar mereka dapat kembali ke pangkal jalan, hidup secara normal seperti kanak-kanak lain, dan menikmati hak-hak mereka sebagai kanak-kanak melalui program resosialisasi. Program pemulihan dan penjagaan kanak jalanan, menurut E.A.S. Dewi (2004), harus bertunjangkan pengetahuan, kesedaran dan benteng kekuatan dalaman agar mereka dapat menghadapi segala cabaran dan rintangan yang dilalui dalam kehidupan sehari-hari.

Terdapat tiga pendekatan yang dapat digunakan bagi menangani masalah kanak jalanan yang melepak dan berpelesenan di tengah-tengah kesibukan bandar, iaitu: pendekatan berpusatkan jalanan (*street based*), pendekatan berpusatkan rumah asuhan (*centre based*), dan pendekatan berpusatkan masyarakat (*community based*). Ketiga-tiga pendekatan ini mempunyai kebaikan dan memberi faedah kepada usaha-usaha menangani masalah kanak jalanan, tetapi digunakan secara berasingan. Ketiga-tiga pendekatan ini seharusnya boleh diguna pakai secara serentak (Silva, 1996).

Di Indonesia, kerajaan telah menubuhkan rumah kebajikan yang dipanggil "rumah singgah" (*open house*) sebagai usaha untuk menangani dan tidak memencilkan kanak jalanan. Malahan, pendekatan rumah singgah seperti ini telah digunakan di pelbagai negara (Silva, 1996). Menurut UNDP dan Depsos RI (1997), M. Ishak (2000) dan E.A.S. Dewi (2003), keunggulan rumah singgah dilihat mampu menjalankan ketiga-tiga pendekatan yang telah dinyatakan.

Pendekatan jalanan membawa maksud pembinaan pusat rumah singgah di lokasi yang ramai terdapatnya kanak jalanan. Di rumah inilah mereka singgah untuk menikmati hak-hak mereka yang disediakan oleh rumah berkenaan dan melakukan aktiviti bersama-sama. Jika rumah itu didirikan di kawasan kejiranan yang ramai dalam kalangan kanak-kanak penduduk di tempat tersebut menjadi kanak jalanan, maka masyarakat juga turut memainkan peranan dalam usaha mengatasi masalah ini, maka pendekatan ini disebut pendekatan masyarakat. Sedangkan jika rumah singgah itu didirikan sebagai institusi yang mengumpulkan semua kanak jalanan disatu-satu kawasan, diberi lesen beroperasi, menjadi tempat tinggal dan pusat pendidikan, maka pendekatan ini dinamakan pendekatan berpusatkan rumah asuhan (kebajikan).

Rumah singgah adalah wadah anak jalanan berkumpul, berkongsi suka duka, bercerita, mengadu nasib dan mendapatkan kasih sayang daripada

**Rajah 1**

Tiga Pendekatan Pemulihan dan Penjagaan Kanak-kanak Terbiar

tutor terlatih (*street educators*). Oleh kerana kedudukan rumah singgah ditengah-tengah bandar, kanak-kanak ini dapat dilatih untuk beradaptasi dan menyesuaikan diri dengan perkembangan yang terjadi di bandar dan menjadi sebahagian daripada warga kota, selain daripada tidur, makan dan tinggal di situ. Di sinilah mereka diajar menerima dan memahami orang lain, menjadi keluarga besar dan menguruskan segala keperluan diri sesuai dengan nilai-nilai pegangan dan norma-norma masyarakat.

RESOSIALISASI KANAK-KANAK JALANAN DI RUMAH SINGGAH (*OPEN HOUSE*)

Kanak jalanan sering kali diidentifikasi sebagai knak yang bebas, liar, tidak mau diatur, melakukan kegiatan negatif seperti mencuri, berkelahi, mabuk, menggunakan dadah, menghidu gam, melakukan hubungan seks dan lain-lain. Kondisi ini terjadi karena hubungan dengan ibu bapa renggang, bahkan sebagian telah putus. Mereka berada di jalanan tanpa kontrol dan perhatian, bahkan di antaranya ada yang justru diusir oleh ibu bapa atau sengaja meninggalkan rumah. Hidup tanpa ibu bapa memungkinkan anak bebas melakukan apa saja. Pengaruh jalanan dan kawan-kawan di jalanan membuat kepribadian mereka lambat-laun menyesuaikan dengan kehidupan orang-orang di jalanan. Semakin lama kanak di jalanan, semakin kuat pengaruh pada sikap dan perilakunya (Ishak, 2000).

Keberadaan kanak di jalanan menunjukkan terganggunya keberfungsian sosial anak. Konsep *social functioning* mengacu kepada situasi dan relasi kanak yang melahirkan berbagai peran dan tugas. Seorang kanak sebaiknya berada pada situasi rumah, sekolah dan lingkungan bermain yang di dalamnya mereka berelasi dengan orang-orang yang berada dalam situasi tersebut dan mempunyai peranan tertentu seperti belajar, mematuhi ibu bapa, bermain dan sebagainya. Keadaan mencari nafkah atau berkeliaran dengan menghabiskan sebagian besar waktunya di jalanan jelas menyimpang dari *social functioning* kanak (Ishak, 2000). Oleh itu, P.B. Horton dan C. L. Hunt (1984) berpendapat bahawa orang yang harus menjalani peralihan peran dituntut untuk benar-benar belajar kembali sehingga proses itu disebut resosialisasi seperti ketika seseorang masuk penjara, institut rehabilitasi pelacuran, dinas militer, atau biara.

Menurut UNDP dan Depsos RI (1997), T. Sudrajat (1998), dan M. Ishak (2000), upaya mengembalikan sikap dan perilaku kanak kepada norma sosial sangat penting dilakukan melalui kegiatan resosialisasi. Resosialisasi menekankan pada perubahan sikap dan perilaku kanak, hal mana ini perlu dilakukan sebelum program pemberdayaan dilakukan kepadanya. Resosialisasi memberikan pengetahuan, penyadaran dan kekuatan untuk kemampuan sendiri dalam menghadapi hidup sehari-hari dan mengatasi masalah. Oleh itu, tujuan resosialisasi kanak jalanan di rumah singgah adalah agar kanak jalanan mempunyai sikap dan pandangan hidup yang baik dan positif, menampilkan prilaku sosial yang benar, kemampuan mengatur diri sendiri dan kemampuan mengatasi kesulitan hidup.

Dalam resosialisasi kepada kanak jalanan, para tutor menggunakan prinsip perkawanan dan kesejajaran. Meskipun mereka kanak-kanak, pengalaman di jalanan telah membuat mereka matang. Resosialisasi menghindari pola instruksi dan memberikan masukan-masukan terus-menerus di mana kanak sebagai objek. Kanak jalanan ditempatkan sebagai subjek atas perubahan yang akan terjadi pada dirinya. Prinsip yang berlaku adalah para tutor bekerjasama dengan kanak jalanan, bukan bekerja untuk kanak jalanan. Para tutor dengan kanak jalanan berdiskusi untuk merumuskan kegiatan, memberikan pertimbangan dan menyemangati upaya yang dipilih. Pada akhir resosialisasi, kanak jalanan diharapkan sudah mampu menolong dirinya sendiri (UNDP & Depsos RI, 1997).

Beberapa aktiviti dalam resosialisasi kanak jalanan adalah: *pertama*, bimbingan sosial am sehari-hari terdiri dari sikap dan perilaku sehari-hari, seperti kebersihan peribadi, memilih dan tatacara makan, memelihara kesehatan, sopan-santun berbicara, *literacy*, keagamaan, kebersihan rumah, hubungan dengan ibu bapa, hubungan dengan kawan, hubungan dengan jiran, keselamatan kerja, induksi peranan, rekreasi, diskusi dan pengajaran tertatng norma-norma masyarakat. *Kedua*, bimbingan kes yang merupakan bimbingan untuk mengatasi kesulitan dalam kehidupan kanak jalanan, yang terdiri dari menghindari, mengurangi dan menghentikan merokok, minum-minuman keras, dadah, menghidu gam, seks bebas, ponteng sekolah, pergaduhan, mencuri, membenci dan memusuhi ibu bapa, serta bermusuhan dengan kawan (Depsos RI, 1999c). Resosialisasi kanak jalanan dilakukan bila-bila masa, terutama pada masa terdapat masalah atau hal yang memerlukan bimbingan. Bimbingan am sehari-hari dilakukan setiap hari secara terus-menerus. Bimbingan kes dilakukan pada masa masalah timbul dan masa penanganannya tergantung dari masalah yang dihadapi oleh kanak, boleh memerlukan masa yang singkat atau memerlukan masa yang lama apabila kes yang dihadapi adalah masalah berat (Depsos RI, 1999a).

Metod yang digunakan dalam resosialsasi kanak jalanan adalah: (1) bimbingan sosial perseorangan, yakni bimbingan pada kanak secara perseorangan atau satu persatu, baik untuk bimbingan am mahupun kes; (2) bimbingan sosial kelompok, yakni bimbingan yang dilakukan secara

berkelompok dalam hal pemberian materi/informasi kepada semua kanak atau bimbingan kepada kanak yang mempunyai masalah sama; (3) *home visit*, yakni mengunjungi dan membimbing kanak dalam keluarganya dan melibatkan ibu bapa atau ahli keluarga lainnya. Dalam bimbingan dan pembelajaran ini menggunakan teknik diskusi, pemberian nasehat, sosio drama, permainan peran, kuis dan test, pemberian hadiah dan hukuman, menulis, bercerita, pemberian motivasi, advokasi, pemberian informasi, bertukar pengalaman dan pengungkapan perasaan (Depsos RI, 1999a; dan Depsos RI, 1999c).

Rumah singgah sebagai pusat sehati kanak-kanak jalanan dijadikan tempat perantara antara kanak-kanak terbabit dengan badan-badan atau pihak-pihak tertentu yang didatangkan untuk membantu mereka (UNDP & Depsos RI, 1997:2). Manakala T. L. Silva (1996) dan Soetarso (2001) pula menjelaskan bahawa rumah singgah yang diwujudkan itu bukanlah penyelesaian semua masalah namun menjadi tapak informal yang memberi suasana resosialisasi terhadap nilai-nilai dan norma-norma budaya dalam masyarakat. Oleh sebab itu rumah singgah ini haruslah terletak di lokasi yang selamat, aman dan mudah dikunjungi oleh kanak-kanak jalanan. Tujuannya untuk membantu kanak-kanak jalanan mengatasi masalah-masalah mereka dan mendapatkan pilihan terbaik bagi memenuhi keperluan hidup mereka (UNDP & Depsos RI, 1997:3). Sedangkan tujuan khusus daripada program resosialisasi kanak-kanak jalanan ialah supaya kanak-kanak jalanan: (1) Mempunyai sikap dan pandangan hidup yang baik dan positif; (2) Menampilkan perilaku sosial yang sesuai dengan nilai-nilai dalam masyarakat; (3) Kemampuan mengatur diri sendiri; dan (4) Kemampuan mengatasi kesulitan hidup.

PERNYATAAN MASALAH DAN KAEDAH PENYELIDIKAN

Pendekatan rumah singgah (*open house*) merupakan model terbaru dalam menangani masalah kanak-kanak jalanan kerana dalam pendekatan ini terangkum ketiga-tiga pendekatan di atas. Persoalannya sekarang, sejauh manakah penyelenggaraan rumah singgah ini mencapai matlamat bagi resosialisasi kanak-kanak jalanan setelah 9 tahun beroperasi? Di bandar Bandung sendiri, jumlah kanak-kanak jalanan pada tahun 1999 kira-kira 5,467 orang, setelah 7 tahun program ini berjalan berjumlah 4,526 orang (Dinas Sosial Kota Bandung, 2006). Jadi setelah 7 tahun program ini dijalankan, bilangan kanak-kanak jalanan tidak berkurang secara berarti.

Sebenarnya, masalah-masalah apa yang dihadapi oleh pihak rumah singgah dalam menjalankan program resosialisasi? Apa saja cadangan yang dikemukakan oleh pentadbir, tutor dan kanak-kanak jalanan untuk penambahbaikan program resosialisasi kanak-kanak jalanan di rumah singgah? Untuk menjawab pertanyaan di atas diadakan penyelidikan dengan kaedah kualitatif dengan menggunakan instrumen protokol temubual dan senerai semak pemerhatian. Populasi dan sampel kajian ini dipilih dari 20 rumah singgah di bandar Bandung, Jawa Barat, Indonesia.

Pemilihan bandar Bandung sebagai fokus populasi kajian ini adalah berdasarkan maklumat daripada Departemen Sosial Republik Indonesia dan Dinas Sosial Kota Bandung bahawa bandar Bandung telah memulakan program resosialisasi kanak-kanak jalanan di rumah singgah sejak tahun 1999 lagi. Selain itu kerana pelbagai kekangan (*extraneous constraints*) yang diluar kawalan penyelidik seperti masa dan kewangan kajian ini hanya dijalankan di bandar Bandung sahaja.

Kaedah persampelan yang digunakan ialah *purposive sampling*, yakni dengan menentukan sampel sesuai dengan tujuan penyelidikan iaitu sampel temu bual pula $n = 3$ (pentadbir, tutor dan kanak-kanak jalanan) dipilih dari rumah singgah berlainan yang terdiri dari rumah singgah milik kerajaan dan NGO (*Non Governmental Organization*). Seterusnya, pemerhatian menggunakan senarai semak dijalankan di lima buah rumah singgah. Seterusnya, data temu bual dan data pemerhatian dianalisis dengan menggunakan analisis R.C. Bogdan dan S. K. Biklen (1992) yang melibatkan proses pengurangan data, mempamer data dan membuat rumusan.

DAPATAN KAJIAN:

A. ANALISIS TEMU BUAL

Dari segi masalah-masalah yang dihadapi dalam menjalankan program resosialisasi kanak-kanak jalanan di rumah singgah, responden yang ditemu bual memberi pandangan yang agak berbeza. Jawapan yang dikemukakan oleh pentadbir 1 semasa temu bual adalah seperti berikut:

Masalah-masalah yang dihadapi antara lain: *pertama*, terbatasnya kemudahan prasarana pembelajaran. *Kedua*, terbatasnya sumber dana yang tersedia. Dan *ketiga*, masih tingginya minat kanak-kanak jalanan untuk turun ke jalan kembali kerana di jalan lebih banyak menghasilkan uang.

Jawapan yang dikemukakan oleh pentadbir 2 ialah seperti berikut:

Masalah utama yang kami hadapi dalam program resosialisasi kanak-kanak jalanan ini ialah persekitaran kanak-kanak jalanan yang kurang mendukung, faktor internal keluarga kanak-kanak jalanan yang serba kekurangan, dan kekurangan tutor untuk membimbing kanak-kanak jalanan. Idealnya, perbandingan tutor dengan kanak-kanak jalanan adalah seorang tutor membimbing 10 orang kanak-kanak jalanan, tetapi di sini perbandingannya seorang tutor membimbing 12 kanak-kanak jalanan.

Jawapan yang dikemukakan oleh pentadbir 3 pula ialah seperti berikut:

Masalah-masalah yang kami hadapi ialah: *pertama*, terbatasnya kemampuan rumah singgah maupun yayasan/NGO dalam mengalokasikan peruntukkan bagi usaha-usaha kesejahteraan sosial. *Kedua*, keluarga kanak-kanak jalanan yang sangat miskin, sehingga mengharuskan anak-anaknya mencari uang. *Ketiga*, tindak lanjut penempatan peserta program yang tidak punya rumah sama sekali dan tidak mempunyai keluarga, supaya mereka tidak turun kembali ke jalanan.

Responden yang ditemu bual memberi cadangan untuk mengatasi masalah-masalah dalam program resosialisasi kanak-kanak jalan yang agak berbeda pula. Jawapan yang dikemukakan oleh pentadbir 1 semasa temu bual adalah seperti berikut:

Pertama, meningkatkan kerjasama dengan pihak-pihak yang terkait dalam masalah pengkhidmatan kanak-kanak jalanan, baik di dalam maupun di luar negara. *Kedua*, meningkatkan kreativiti dan kualiti pengkhidmatan yang diberikan oleh tutor. *Ketiga*, melakukan kembali penjangkauan ke jalanan dan kegiatan yang ada di rumah singgah lebih diaktifkan dan ditingkatkan serta lebih divariasikan dengan kegiatan rekreasi dan kreativiti seni, sehingga akan lebih menarik kanak-kanak jalanan untuk mengikuti program di rumah singgah.

Jawapan yang dikemukakan oleh pentadbir 2 ialah seperti berikut:

Pertama, melakukan kegiatan dengan menyesuaikan faktor penghambat dengan kondisi warga belajar itu sendiri, tidak melakukan pembelajaran pada saat tidak mungkin dan mencoba menekan hambatan yang ada. *Kedua*, memberdayakan ibu bapa atau ahli keluarga lainnya, seperti memberi bantuan modal usaha atau memberikan latihan berbagai kemahiran yang diperlukan sehingga mereka boleh berusaha dan keluar dari kemiskinan. *Ketiga*, meningkatkan kerjasama dengan berbagai pihak, terutama universiti dan Dinas Sosial untuk menambah kekurangan tutor.

Jawapan yang dikemukakan oleh pentadbir 3 pula ialah seperti berikut:

Pertama, meningkatkan kerjasama dengan pihak-pihak yang terkait dalam masalah penghidmatan kanak-kanak jalanan, baik kerajaan, perusahaan, NGO maupun perorangan. *Kedua*, memberdayakan kemampuan ekonomi ibu bapa kanak-kanak jalanan. *Ketiga*, meningkatkan kerjasama dengan rumah kebajikan dan rumah yatim piatu untuk memasukan peserta program setelah selesai mengikuti program di rumah singgah.

Dari segi masalah-masalah yang dihadapi dalam menjalankan program resosialisasi kanak-kanak jalanan di rumah singgah, responden yang ditemu bual memberi pandangan yang agak berbeda. Jawapan yang dikemukakan oleh tutor 1 semasa temu bual adalah seperti berikut:

Masalah-masalah yang dihadapi antara lain: *pertama*, terbatasnya kemudahan prasarana pembelajaran; dan *kedua*, keluarga kanak-kanak jalanan yang serba kekurangan.

Jawapan yang dikemukakan oleh tutor 2 ialah seperti berikut:

Masalah utama yang kami hadapi dalam program resosialisasi kanak-kanak jalan ini ialah terbatasnya kemudahan prasarana pembelajaran, rendahnya minat peserta program dalam mengikuti kegiatan di rumah singgah, dan tenaga tutor yang masih kurang.

Jawapan yang dikemukakan oleh tutor 3 pula ialah seperti berikut:

Masalah-masalah yang kami hadapi ialah keluarga kanak-kanak jalanan yang sangat miskin, sehingga mengharuskan anak-anaknya mencari uang. Ada beberapa kanak

jalanannya tidak boleh menyesuaikan diri di rumah singgah, sehingga mereka keluar dari rumah singgah dan kurangnya pakar yang boleh membantu menyelesaikan masalah-masalah kanak-kanak jalanannya.

Responden yang ditemu bual memberi cadangan untuk mengatasi masalah-masalah dalam program resosialisasi kanak-kanak jalanannya yang agak berbeza pula. Jawapan yang dikemukakan oleh tutor 1 semasa temu bual adalah seperti berikut:

Pertama, meningkatkan kerjasama dengan berbagai pihak daripada institusi kerajaan, NGO, syarikat dan perseorangan yang boleh membantu melengkapi kemudahan prasarana. *Kedua*, ibu bapa kanak-kanak jalanannya diberdayakan secara ekonomi.

Jawapan yang dikemukakan oleh tutor 2 ialah seperti berikut:

Pertama, peningkatan kerjasama dengan pihak-pihak yang berkaitan dalam masalah penghidmatan kanak-kanak jalanannya, untuk masalah kekurangan kemudahan prasarana boleh bekerjasama dengan perusahaan, Dinas Sosial atau perorangan yang mahu menyumbang. Kekurangan tutor boleh bekerjasama dengan universiti atau Dinas Sosial. *Kedua*, kegiatan yang ada di rumah singgah lebih diaktifkan dan ditingkatkan serta lebih divariasikan dengan kegiatan rekreasi dan kreativiti seni. *Ketiga*, bimbingan dan pembelajaran dijalankan sesuai dengan kondisi kanak-kanak jalanannya, tidak melakukan pembelajaran pada saat tidak memungkinkan untuk kanak-kanak jalanannya.

Jawapan yang dikemukakan oleh tutor 3 pula ialah seperti berikut:

Pertama, memberdayakan ibu bapa atau ahli keluarga lainnya, seperti memberi bantuan modal usaha atau memberikan latihan berbagai kemahiran yang diperlukan, sehingga mereka boleh berusaha dan keluar dari kemiskinan. *Kedua*, bimbingan dan pembelajaran dijalankan sesuai dengan kondisi kanak-kanak jalanannya, tidak melakukan pembelajaran pada saat tidak memungkinkan untuk kanak-kanak jalanannya. *Ketiga*, peningkatan kerjasama dengan pihak-pihak yang berkaitan dalam masalah penghidmatan kanak-kanak jalanannya, baik kerajaan, universiti, maupun perorangan.

Dari segi masalah-masalah yang dihadapi dalam mengikuti program resosialisasi kanak-kanak jalanannya di rumah singgah, responden yang ditemu bual memberi pandangan yang agak berbeza. Jawapan yang dikemukakan oleh kanak-kanak jalanannya 1 semasa temu bual adalah seperti berikut:

Kadang-kadang bosan dan stress sehingga masih mengikuti kawan-kawan untuk jalan-jalan atau lepak-lepak sambil minum-minuman beralkohol, kadang-kadang kawan yang lebih besar suka memaksa untuk mencari uang dengan mengamen.

Jawapan yang dikemukakan oleh kanak-kanak jalanannya 2 ialah seperti berikut:

Seringkali timbul perasaan malas dan dorongan kuat untuk mengamen dan *curhat* [mencurahkan isi hati] dengan teman-teman, suka dipaksa ngamen oleh abang-abang untuk cari uang dan sering kali dihalang-halangi kalau mau mengikuti kegiatan rumah singgah.

Jawapan yang dikemukakan oleh kanak-jalanan 3 pula ialah seperti berikut:

Untuk biaya sekolah dan membatu ibu bapa, saya harus jualan koran, aktiviti di rumah singgah seringkali bentrok dengan aktiviti saya di jalanan untuk menjual koran, sehingga jarang mengikuti aktiviti di rumah singgah.

Responden yang ditemu bual memberi cadangan untuk mengatasi masalah-masalah dalam program resosialisasi kanak-kanak jalanan yang agak berbeda pula. Jawapan yang dikemukakan oleh kanak-jalanan 1 semasa ditemu bual adalah seperti berikut: *"Kegiatan bimbingan dan pembelajaran yang dijalankan harus lebih menarik dan bervariasi dan semua keperluan peserta program harus dipenuhi"*. Jawapan yang dikemukakan oleh kanak-jalanan 2 ialah seperti berikut: *"Kegiatannya harus lebih menarik dan bervariasi dan sesuai dengan keperluan kita"*. Jawapan yang dikemukakan oleh kanak-jalanan 3 pula ialah seperti berikut: *"Saya harap ibu saya dibantu uang untuk modal dagang, sehingga saya tidak perlu lagi jualan koran"*.

B. ANALISIS PEMERHATIAN

Pemerhatian dibuat meliputi aspek dokumen pentadbir, dokumen bimbingan dan pembelajaran, kemudahan prasarana dan media pembelajaran. Jadual 2 menunjukkan data pemerhatian ke atas dokumen pentadbir. Semua rumah singgah (100%) memiliki dokumen peruntukkan keuangan, dokumen rancangan program, dokumen fail kanak-kanak jalanan, dokumen fail kemudahan prasarana, dokumen report aktiviti dan dokumen fail kerjasama dengan berbagai institusi. Tiga buah rumah singgah (60%) memiliki carta pembagian kerja dan dua buah rumah singgah (40%) tidak memiliki carta pembagian kerja. Dua buah rumah singgah (40%) memiliki jadual *meeting* dan pendokumentasian karya kanak-kanak jalanan, tiga buah rumah singgah (60%) tidak memiliki jadual *meeting* dan pendokumentasian karya kanak-kanak jalanan.

Jadual 2
Analisis Pemerhatian ke Atas Dokumen Pentadbir

Dokumen Pentadbir	Ada Dokumen		Tiada Dokumen	
	Bil.	Peratus	Bil.	Peratus
Peruntukan keuangan	5	100	0	0
Rancangan program	5	100	0	0
Fail kanak-kanak jalanan	5	100	0	0
Fail kemudahan prasarana	5	100	0	0
Report aktiviti	5	100	0	0
Carta pembagian kerja	3	60	2	40
Fail kerjasama dengan berbagai institusi	5	100	0	0
Jadual meeting	2	40	3	60
Pendokumentasian karya kanak-kanak jalanan	2	40	3	60

Jadual 3 menunjukkan analisis pemerhatian ke atas dokumen bimbingan dan pembelajaran. Lima buah rumah singgah (100%) memiliki dokumen jadual aktiviti bimbingan dan pembelajaran, fail kes dan fail kedatangan kanak-kanak jalanan. Empat buah (80%) memiliki jadual kunjungan rumah dan satu buah rumah singgah (20%) tidak memiliki jadual kunjungan rumah.

Jadual 3

Analisis Pemerhatian ke Atas Dokumen Bimbingan dan Pembelajaran

Dokumen Bimbingan dan Pembelajaran	Ada Dokumen		Tiada Dokumen	
	Bil.	Peratus	Bil.	Peratus
Jadual aktiviti bimbingan dan pembelajaran	5	100	0	0
Fail Kes	5	100	0	0
Jadual kunjungan rumah	4	80	1	20
Fail kedatangan kanak-kanak jalanan	5	100	0	0

Jadual 4 menunjukkan hasil pemerhatian tentang kemudahan prasarana. Semua rumah singgah (100%) memiliki bilik aktiviti, bilik tidur, bilik dapur, bilik air, dan tempat menjemur pakaian. Tiga buah (80%) rumah singgah memiliki bilik menyimpan barang-barang kanak-kanak jalanan dan tempat bermain dan dua rumah singgah (40%) tidak memiliki bilik menyimpan barang-barang kanak-kanak jalanan dan tempat bermain. Dari segi peralatan utama, lima rumah singgah (100%) memiliki kerusi, meja dan lemari yang mencukupi. Dari segi peralatan pendukung pula, lima buah rumah singgah (100%) memiliki peralatan dapur, peralatan kebersihan; empat buah rumah singgah (80%) memiliki peralatan mandi; dan satu rumah singgah (20%) tidak memiliki peralatan mandi; tiga buah rumah singgah (60%) mempunyai peralatan bermain; dan dua rumah singgah (40%) tidak memiliki peralatan bermain.

Jadual 4

Analisis Pemerhatian ke Atas Kemudahan Prasarana

Kemudahan Prasarana	Ada Dokumen		Tiada Dokumen	
	Bil.	Peratus	Bil.	Peratus
Bilik aktiviti	5	100	0	0
Bilik tidur	5	100	0	0
Bilik menyimpan barang-barang kanak-kanak jalanan	4	60	1	40
Bilik dapur	5	100	0	0
Bilik air	5	100	0	0
Tempat bermain	4	60	1	40
Tempat menjemur pakaian	5	100	0	0

Peralatan utama:				
i) Kerusi	5	100	0	0
ii) Meja	5	100	0	0
iii) Almari	5	100	0	0
Peralatan Pendukung:				
i) Peralatan dapur	5	100	0	0
ii) Peralatan kebersihan	5	100	0	0
iii) Peralatan mandi	4	80	1	20
iv) Peralatan bermain	4	60	1	40

Jadual 5 menunjukkan hasil pemerhatian tentang media pembelajaran, iaitu media bercetak dan media elektronik. Dari segi media bercetak, semua rumah singgah (100%) memiliki buku teks dan buku cerita. Empat rumah singgah (80%) memiliki majalah dan gambar; satu rumah singgah (20%) tidak memiliki majalah dan gambar. Dari segi media elektronik pula, lima rumah singgah (100%) memiliki televisyen; empat rumah singgah (80%) memiliki radio; dan satu rumah singgah (20%) tidak memiliki radio; tiga rumah singgah (60%) memiliki VCD/DVD; dan dua rumah singgah (40%) tidak memiliki VCD/DVD. Dua rumah singgah (40%) memiliki internet; dan tiga buah rumah singgah (60%) tidak memiliki internet.

Jadual 5
Analisis Pemerhatian ke Atas Media Pembelajaran

Media Pembelajaran	Ada Dokumen		Tiada Dokumen	
	Bil.	Peratus	Bil.	Peratus
Media bercetak:				
i) Buku teks	5	100	0	0
ii) Buku cerita	5	100	0	0
iii) Majalah	4	80	1	20
iv) Gambar	4	80	1	20
Media elektronik:				
i) TV	5	100	0	0
ii) VCD/DVD	3	60	2	40
iii) Radio	4	80	1	20
iv) Internet	2	40	3	60

RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Program resosialisasi kanak-kanak jalanan di rumah-rumah singgah di bandar Bandung masih banyak menghadapi masalah. Masalah-masalah utama yang dihadapi adalah: *pertama*, terbatasnya kemudahan prasarana pembelajaran. *Kedua*, terbatasnya sumber dana yang tersedia. *Ketiga*, keluarga kanak-kanak jalanan yang sangat miskin, sehingga mengharuskan kanak-kanaknya mencari uang. *Keempat*, jumlah tutor untuk membimbing kanak-

kanak jalanan masih kurang. *Kelima*, para pakar yang membantu memecahkan masalah-masalah yang dihadapi kanak-kanak jalanan masih kurang. *Keenam*, tindak lanjut penempatan peserta program untuk peserta program yang tidak punya rumah sama sekali dan tidak mempunyai keluarga, supaya mereka tidak turun kembali ke jalanan.

Beberapa dapatan kajian ini sejalan dengan dapatan E.A.S. Dewi (2004) bahawa peruntukkan untuk pembinaan kanak-kanak jalanan masih kurang dan masih mengandalkan peruntukkan dari Departemen Sosial RI, belum ada peruntukkan dari pemerintah daerah. Di bandar Bandung, peruntukkan untuk penanggulangan kanak-kanak jalanan sangat kecil. Sementara itu A.N. Sugiarta (2002) pula mengemukakan dapatan kajiannya bahawa telah banyak program pembinaan kanak-kanak jalanan yang telah berjalan, namun dari segi modal insan dan kemudahan prasarana kurang dipersiapkan secara optimal, sehingga program berjalan kurang baik. Selain itu pekerja di rumah-rumah singgah yang terbatas dan tingkat pemahaman yang berbeda-beda, ditambah dengan jalur birokrasi yang panjang dan rumit yang akhirnya koordinasi antar institusi yang berhubung menjadi kurang baik.

Dari beberapa masalah utama yang dihadapi, dikemukakan beberapa cadangan iaitu: *pertama*, meningkatkan kerjasama dengan berbagai pihak daripada institusi kerajaan, NGO, syarikat dan perseorangan yang boleh membantu melengkapi kemudahan prasarana dan pembiayaan bagi program resosialisasi kanak-kanak jalanan di rumah singgah. *Kedua*, memberdayakan ibu bapa atau ahli keluarga lainnya, seperti memberi bantuan modal usaha atau memberikan latihan berbagai kemahiran yang diperlukan, sehingga mereka boleh berusaha dan keluar dari kemiskinan dan tidak menyuruh lagi kanaknya untuk mencari wang di jalanan. *Ketiga*, meningkatkan kerjasama dengan berbagai pihak yang terlibat, terutama universiti dan Dinas Sosial Provinsi/ Kota untuk menambah kekurangan tutor dan pakar. *Keempat*, meningkatkan kerjasama dengan rumah kebajikan dan rumah yatim piatu untuk memasukan peserta program setelah selesai mengikuti program di rumah singgah.

CADANGAN DAN IMPLIKASI

Kajian ini mendapati bahawa program resosialisasi kanak-kanak jalanan di rumah singgah di bandar Bandung masih terdapat beberapa kelemahan yang harus diatasi. Berikut ini beberapa cadangan untuk penambahbaikan program resosialisasi kanak-kanak jalanan di rumah singgah.

Program resosialisasi kanak-kanak jalanan di rumah-rumah singgah di bandar Bandung masih kekurangan peruntukkan, tutor, pakar, kemudahan prasarana dan media pembelajaran. Oleh itu pihak pentadbir harus meningkatkan kerja sama dengan pihak-pihak yang terlibat dalam masalah penghidmatan kanak-kanak jalanan, baik kerajaan, syarikat, NGO, universiti maupun perorangan yang dapat membantu, baik secara material maupun non material. Pihak pentadbir pula harus memantapkan program pemberdayaan ibu bapa atau ahli keluarga lainnya seperti memberi bantuan modal usaha

atau memberikan latihan berbagai kemahiran yang diperlukan, sehingga mereka boleh berusaha dan keluar dari kemiskinan. Hal ini sangat penting untuk dilakukan, supaya ibu bapa tidak menyuruh kanaknya mencari uang di jalanan karena alasan kemiskinan. Program memberdayakan ibu bapa atau ahli keluarga lainnya pula dapat dilakukan secara maksima apabila terdapat kerjasama yang baik dengan berbagai pihak yang terlibat.

Masalah yang umum terjadi pada keluarga-keluarga yang melahirkan kanak-kanak jalanan adalah kemiskinan. Namun sebagian kecil kanak-kanak jalanan berasal dari keluarga kelas menengah ke atas di mana mereka menghadapi masalah *broken home*. Jadi, penanganan terhadap masalah ini bukan hanya masalah peningkatan kehidupan ekonominya tetapi bagaimana ibu bapa memperlakukan dan mengasuh kanak dengan baik. Untuk merealisasikan hasrat ini, ibu bapa patut diberi pendedahan tentang konsep dan pelaksanaan program resosialisasi kanak-kanak jalanan di rumah singgah. Ruang ini pula memberi peluang kepada ibu bapa memberi sumbangan idea, kewangan atau tenaga demi untuk membangunkan program resosialisasi kanak-kanak jalanan di rumah singgah. Pengalaman ini secara tidak langsung mendedahkan ibu bapa dengan cara untuk memberi galakan dan motivasi kepada anak-anak mereka. Penglibatan aktif ibu bapa dan masyarakat adalah sangat perlu. Penglibatan mereka mampu meringankan beban tutor dan rumah singgah. Untuk tujuan ini masyarakat lain perlu diberitahu tentang hasrat dan kehendak program resosialisasi kanak-kanak jalanan di rumah singgah. Ini boleh dilakukan dengan menggalakkan kolaborasi antara tutor, ibu bapa dan pihak lain seperti NGO, syarikat atau universiti. Siri perjumpaan seperti sidang pleno, bengkel dan juga dialog perlu diusahakan dengan lebih kerap oleh rumah singgah untuk melibatkan mereka.

Dinas Sosial Provinsi/Kota perlu meningkatkan pengkhidmatan kepada peserta program resosialisasi kanak-kanak jalanan di rumah singgah yang sudah selesai mengikuti program, terutama bagi kanak-kanak yang tidak mempunyai rumah dan ibu bapa atau penjaga. Pihak Dinas Sosial Provinsi/Kota perlu meningkatkan kerjasama dengan rumah yatim atau rumah kebajikan untuk memasukan kanak-kanak yang tidak mempunyai rumah dan ibu bapa ke rumah yatim atau rumah kebajikan, supaya mereka tidak turun lagi ke jalanan. Penyelidik mengajukan cadangan model untuk membina kanak-kanak jalanan yang tidak mempunyai rumah dan ibu bapa atau penjaga. Bagi kanak-kanak jalanan yang tidak mempunyai rumah dan ibu bapa, program resosialisasi kanak-kanak jalanan patut dilaksanakan secara berasrama (*boarding house*). Tempat program resosialisasi kanak-kanak jalanan berasrama tersebut harus berjauhan dengan persekitaran pergaulan dan tempat berkumpulnya kanak-kanak jalanan di jalanan, sehingga kanak-kanak tersebut benar-benar berada pada persekitaran baru yang tidak terpengaruh kehidupan jalanan.

Cadangan ini sesuai dengan pendapat dari P.B. Horton & C.L. Hunt (1984) dan Amir Hasan (2002) bahawa resosialisasi paling efektif bila berjalan dalam suatu institut seperti penjara, pusat rehabilitasi, asrama militer, komune agama,

di mana keseluruhan pengalaman subjek dapat dikendalikan. Sebaiknya pula program resosialisasi kanak-kanak jalanan berasrama selain tempat bimbingan mental dan sosial juga sebagai *shelter workshop* yang dilengkapi dengan berbagai kemudahan untuk latihan berbagai kemahiran, sehingga selain mengikuti program resosialisasi kanak-kanak pula memiliki kemahiran yang dapat dipergunakan apabila sudah keluar dari program resosialisasi kanak-kanak jalanan berasrama.

Program resosialisasi kanak-kanak jalanan di rumah singgah adalah cabang pendidikan non formal yang rumit. Program resosialisasi kanak-kanak jalanan perlu dilaksanakan dengan teratur, teliti dan sabar. Ini dapat direalisasikan dengan kerjasama rapat dari kalangan semua peringkat warga pendidikan. Pentadbir dan tutor mesti berinisiatif tinggi, beriltizam jitu serta sentiasa bermotivasi membantu peserta program. Program resosialisasi kanak-kanak jalanan di rumah-rumah singgah di bandar Bandung patut dilaksanakan secara bersama dan bekerja secara berpasukan (*team work*) yang rapat antara rumah singgah, NGO, Dinas Sosial Kota Bandung, Dinas Sosial Provinsi Jawa Barat dan Departemen Sosial RI. Peruntukan program resosialisasi kanak-kanak jalanan di rumah-rumah singgah di bandar Bandung dari Dinas Sosial Kota Bandung, Dinas Sosial Provinsi Jawa Barat dan Departemen Sosial RI harus mencukupi. Selain itu perlu ditingkatkan kerjasama dan interaksi yang rapat dengan pihak-pihak terlibat seperti Dinas Pendidikan, Dinas Kesehatan, Dinas Tenaga Kerja, Polis, Syarikat, industri dan universiti. Ini penting untuk membantu rumah-rumah singgah menjalankan program resosialisasi kanak-kanak jalanan dengan licin dan sempurna.

Bibliografi

- Akhbar *Suara Karya*. Jakarta: 27 November 2006.
- Amir Hasan. (2002). *Pentoeorian Sosiologi dan Pendidikan*. Tanjong Malim: Quantum Books.
- Bogdan, R.C. & S.K. Biklen. (1992). *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory & Methods*. Boston: Allyn and Bacon Inc.
- Depsos RI [Departemen Sosial Republik Indonesia]. (1999a). *Pedoman Penyelenggaraan Pembinaan Anak Jalanan Melalui Rumah Singgah*. Jakarta: Depsos RI.
- Depsos RI [Departemen Sosial Republik Indonesia]. (1999b). *Petunjuk Teknis dan Pelaksanaan Pembinaan Kesejahteraan Sosial Anak Terlantar*. Jakarta: Direktorat KAKLU.
- Depsos RI [Departemen Sosial Republik Indonesia]. (1999c). *Petunjuk Teknis dan Pelaksanaan Pembinaan Kesejahteraan Sosial Anak Jalanan*. Jakarta: Direktorat KAKLU.
- Depsos RI [Departemen Sosial Republik Indonesia]. (1999d). *Pedoman Pembinaan Kesejahteraan Sosial Anak Dini Usia*. Jakarta: Direktorat KAKLU.
- Depsos RI [Departemen Sosial Republik Indonesia] & YKAI [Yayasan Kesejahteraan Anak Indonesia]. (1999). *Modul Pelatihan Pemberdayaan Anak Jalanan Melalui Rumah Singgah*. Jakarta: Depsos RI dan YKAI.

- Depsos RI [Departemen Sosial Republik Indonesia] & ADB [Asian Development Bank]. (1999). *Citra Anak Indonesia*. Jakarta: Depsos RI.
- Dewi, E.A.S. (2004). "Efektivitas Manajemen Sistem Pembinaan Anak Jalanan di Kota Bandung". *Tesis Master Pendidikan Tidak Diterbitkan*. Bandung: Program Pascasarjana UPI [Universitas Pendidikan Indonesia].
- Dinas Sosial Kota Bandung. (2006). *Data Perkembangan Anak Jalanan di Kota Bandung*. Bandung: Dinas Sosial Kota Bandung.
- Ertanto, Kirik. (2003). "Anak Jalanan dan Subkultur: Sebuah Pemikiran Awal". Tersedia dalam http://www.kunci.or.id/esai/misc/kirik_anak.htm [diakses di Bandung, Indonesia: 5 Januari 2007].
- Horton, P.B. & C.L. Hunt. (1984). *Sociology*. New York: McGraw-Hill.
- Ishak, M. (2000). "Perkembangan Model Program Pendidikan Taruna Mandiri: Studi Terfokus pada Kehidupan Anak-anak Jalanan di Bandung". *Disertasi Doktor Tidak Diterbitkan*. Bandung: Program Pascasarjana UPI [Universitas Pendidikan Indonesia].
- Saripudin, Didin. (2005). *Mobilitas dan Perubahan Sosial*. Bandung: Masagi Foundation.
- Silva, T.L. (1996). "Community Mobilization for the Protection and Rehabilitation of Street Children" dalam *Proceedings International Conference on Street Children*, hlm.5-18.
- Soetarso. 2001. "Pendekatan Keluarga dalam Pengentasan Anak Jalanan dan Anak Terlantar di Jawa Barat". *Kertas Kerja* dalam Seminar Pengentasan Anak Jalanan dan Anak Terlantar di Jawa Barat, anjuran Dinas Sosial Propinsi Jawa Barat di Bandung, 9-10 September.
- Sudrajat, T. (1998). "Rumah Singgah Anak Jalanan: Suatu Praktek Pekerjaan Sosial". *Kertas Kerja* pada Kongres dan Seminar Pekerja Sosial Profesional, anjuran Departemen Sosial RI di Jakarta, 20-23 Oktober.
- Sugiarta, A.N. (2002). "Profil Rumah Singgah dalam Menyiapkan Anak Jalanan yang Produktif dan Mandiri". *Tesis Master Pendidikan Tidak Diterbitkan*. Bandung: Pascasarjana UPI [Universitas Pendidikan Indonesia].
- UNDP [United Nations Development Programme] & Depsos RI [Departemen Sosial Republik Indonesia]. (1997). *Pedoman Penyelenggaraan Rumah Singgah: Program Uji Coba Anak Jalanan di 7 Propinsi*. Jakarta:UNDP dan Depsos RI.
- UNICEF [United Nations for International Children and Education Fund]. (1997). "International Child Health" dalam *A Digest of Current Information*, VIII(1).